

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 27 JULAI 2011
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Satu Malaysia.

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Aziz Deraman, Naib Canselor
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib
Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku
Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan
UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Staf Universiti Malaysia Terengganu (UMT) seterusnya staf
Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasih sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang
Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa
Thai).

Hadirin sekalian,

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya,
dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini.
Terima kasih saya titipkan buat staf UniMAP yang masih lagi
memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita.
Pertemuan kita ini bukan hanya sebagai tempat untuk
menyihatkan badan tetapi sebagai wadah untuk kita
berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini
yang berlaku di UniMAP.

My respected staffs Ladies and Gentlemen,

This is the last assembly before we break for the holy month of Ramadhan. I would like to highlight on some of the achievements and events for the month of July.

Thanks to Allah S.W.T for blessing us with a good healthy lifestyle and further achievements in the field of sports and academic.

Our weekly aerobics session this morning is also shared by our guests from Universiti Malaysia Terengganu (UMT) headed by its Vice Chancellor, Dato' Prof. Dr. Aziz Deraman. We are indeed fortunate to have them with us to partake in a routine the UniMAP staffs have been having together for the last seven years.

Soon the fasting month of Ramadhan will be with us again. Many activities have been successfully completed before fasting starts. However, Pusat Islam UniMAP has lined up a string of religious programmes for us to share during the whole month of Ramadhan.

On the sports front, UniMAP has again excelled. We are the overall champion for the SUKUM 2011 winning 6 gold, 1 silver and 4 bronze medal. We triumphed over USM which was the joint winner with UniMAP last year. Please give a big hand to our sports contingent lead by Dr. Ku Mohd Nabil Ku Hamid @ Ku Ismail and ably managed by The Dean of Sports Centre,

En. Afizal Abu Othman and Nor Haslinda Md Hussin emerged as the best sports woman. That is a great achievement.

Special mention should be accorded to Mohd Faiz Musa, our weight lifter, who set a new national record for 'Clean and Jerk' event in the 94 kilogram category. And Mohd Robani has achieved excellent performance in the 110 meter hurdles event. Both of them have qualified for the coming SEA Games in Jakarta. I am sure they will complement our national team in many more international sports competition.

On a more personal basis, I am sorry I could not attend all the wedding invitations given to me. However, in the spirit of sharing the happiness of all the newly-wed couples from November 2010 till now we will hold a special night to bless the married couples tonight and this is the first time such function is being held. Congratulations.

Hadirin sekalian,

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada delegasi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang diketuai oleh sahabat saya, Naib Canselor UMT, Dato' Prof. Dr. Abdul Aziz Deraman kerana kesudian menyertai Perjumpaan Mingguan UniMAP ini. Untuk pengetahuan Dato', ini adalah salah satu cara bagi merapatkan hubungan pihak pengurusan tertinggi dan juga staf UniMAP. Saya percaya, walaupun kita tidak dapat mengingati nama setiap orang yang

ada di sini, namun Alhamdulillah, wajah-wajah yang pernah hadir di sini akan kekal terpahat di ingatan. Oleh itu, walau di mana kami berjumpa, kami tahu ada pertalian yang menghubungkan kami iaitu sebagai warga UniMAP.

Hadirin sekalian,

Minggu ini merupakan minggu terakhir kita berada di bulan Julai dan juga merupakan minggu terakhir sebelum kita menjalani ibadah puasa di bulan Ramadhan yang dijangka bermula pada 1 Ogos 2011 ini. Apa yang boleh saya katakan, jadual aktiviti kita pada minggu ini sememangnya agak padat berikutan pelbagai aktiviti telah dan akan dilaksanakan sebelum 31 Julai menjelma.

Pada 22 Julai yang lalu, kita telah Berjaya menghimpunkan hampir keseluruhan penggama media di negeri Perlis apabila UniMAP melalui Unit Media telah Berjaya mengadakan Majlis Malam Mesra Media UniMAP 2011. Dengan bertemakan, ‘Back To School’, saya berasa sangat terhibur melihat betapa ‘sporting’nya warga Media kita dalam majlis tersebut. Dalam majlis itu juga, Pengarah Unit Media iaitu Prof. Madya Dr. Zainab Hamzah ada memberikan beberapa pesanan kepada ketua jabatan kita untuk menyalurkan semua maklumat yang bermanfaat untuk pembangunan UniMAP kepada Unit Media untuk diberikan kepada wakil media Perlis seterusnya dapat dimuatkan dalam media cetak dan juga media elektronik. Ini

secara tidak langsung akan membantu mempromosikan UniMAP dan sekaligus membantu mencapai sasaran yang kita sasarkan selama ini.

Oleh itu, dikesempatan yang ada ini, saya sekali lagi ingin menyeru kepada semua yang ada di sini, dan tolong sampaikan kepada seluruh warga UniMAP yang lain agar sentiasa meletakkan wakil Media UniMAP sebagai tempat pertama untuk menyalurkan maklumat terkini yang mempunyai ‘news value’ untuk kita kongsikan bersama-sama masyarakat luar demi pembangunan UniMAP yang kita kasih ini. Saya ingin melihat sasaran kita untuk ke persada antarabangsa akan tercapai tidak lama lagi. InsyaAllah.

Hadirin sekalian,

Pada 25 Julai 2011 yang lalu, bertempat di Ocean Glow telah berlangsungnya Majlis Makan Malam SUKUM khusus bagi meraikan para atlet dan pengurusan yang memberikan komitmen penuh sewaktu Sukan Staf Antara Universiti-universiti Malaysia (SUKUM) 2011 yang telah berlangsung di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada 8 hingga 17 Julai yang lalu. **Kita berjaya meraih 6 pingat emas, 1 perak dan 4 gangsa.** Saya juga telah menyampaikan harapan saya terhadap beberapa pasukan kita untuk memperbaiki pencapaian mereka agar kita mampu meraih kejayaan yang

lebih besar seterusnya mengekalkan kejuaraan yang kita miliki selama ini. InsyaAllah.

Hadirin sekalian,

Pada 26 Julai iaitu semalam, Jabatan Pelajaran Negeri dengan kerjasama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Majlis Guru Cemerlang Negeri Perlis telah menganjurkan Seminar Pendidikan Peringkat Negeri Perlis. Saya juga telah dijemput menjadi pembentang Kertas Kerja yang bertajuk 'Transformasi Minda'.

Hari ini, saya ingin berkongsi dengan anda yang berada di sini bahawa inilah masanya untuk kita mentransformasikan minda kita agar kita lebih bersedia menghadapi cabaran masa hadapan yang lebih mencabar. Saya mahu setiap warga UniMAP mempunyai nilai-nilai seperti inovasi, berprestasi tinggi, ketepatan, ketabahan, intergriti, berilmu, setia dan bijaksana. Hal ini kerana, individu yang berjaya transformasikan minda mereka akan mengalami beberapa keajaiban iaitu:-

1. Meningkatkan komitmen dan usaha setiap individu untuk menilai dan mengubah cara berfikir dan menguruskan fikiran mereka ke arah pemikiran yang keterdepan untuk membuat keputusan yang terbaik.
2. Mempertingkatkan komitmen setiap individu untuk menilai dan mengubah kehendak dan keinginan kendiri

- sesuai dengan persekitaran dan situasi semasa yang bersifat bukan egosentrik dan tidak rasional
3. Setiap penjawat awam mampu mengurus kecerdasan emosi demi mengerat hubungan antara manusia selaras dengan peraturan kemanusiaan dan ketuhanan demi kepentingan dan keharmonian bersama.

Saya mahu setiap warga UniMAP untuk spesifikkan matlamat anda. Apa yang anda mahu sumbangkan kepada UniMAP. Seterusnya membina strategi dan bertindaklah secara konsisten. Tanamkan di hati untuk mengubah sesuatu yang gagal kepada maklumbalas. Percaya bahawa sistem kepercayaan akan memberi kekuatan kepada kita untuk menghadapi cabaran dan nilai-nilai yang saya sebutkan tadi sebagai kuasa yang mendorong kita untuk mencapai kejayaan. Apabila kita mempelajari bagaimana untuk mengubah ‘subconscious mind’ kita, kita mampu mengubah bagaimana tubuh bertindak balas. Dengan ini, saya pasti kita akan dapat mencapai apa juar yang kita fikirkan.

Hadirin sekalian,

Pada 28 Julai nanti, saya dan delegasi UniMAP akan terbang ke Medan bagi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UniMAP dengan Koordinasi Perguruan Tinggi Swasta Wilayah I, Nanggroe Aceh Darussalam – Sumatera Utara (KOPERTIS). MoU ini ditandatangani kerana kita

percaya akan ada pelbagai peluang yang boleh membantu meningkat nama UniMAP ke persada antarabangsa. Semasa sesi lawatan KOPERTIS ke UniMAP pada Mei lalu, beberapa projek kerjasama telah dikenalpasti antaranya menawarkan peluang kepada staf-staf UniMAP di **350** buah institusi akademik tinggi di bawah naungan Koordinasi Perguruan Tinggi Swasta Wilayah I Nangroe Ache Darussalam dan Sumatera Utara (KOPERTIS).

Selain itu kerjasama ini juga akan melibatkan program pertukaran pelajar dan staf serta penganjuran bengkel dan latihan untuk mempertingkatkan kemahiran. Program-program yang bakal dilaksanakan dilihat sebagai satu landasan yang sangat baik kepada kedua-dua pihak UniMAP - KOPERTIS untuk terus bekerjasama mempergiatkan lagi aktiviti pengantarabangsaan kita.

Bagi mempromosikan dan memperkenalkan program akademik serta produk UniMAP, kita juga akan anjurkan satu seminar yang akan diadakan sejurus selepas Majlis menandatangi MoU tersebut. Ini bagi memberi peluang kepada KOPERTIS untuk membincangkan dengan lebih terperinci mengenai peluang Pengajian Pasca Siswazah di UniMAP, Prasarana ICT, Pusat Pengajian Kejuruteraan UniMAP melibatkan program akademik dan kepakaran yang dimiliki.

Hadirin sekalian,

Rasanya cukuplah setakat ini sahaja. Saya mengambil kesempatan ini, ingin mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah Puasa kepada seluruh muslimin dan muslimat UniMAP. Semoga ibadah yang bakal kita laksanakan sepanjang bulan Ramadhan ini akan mendapat keberkatan olehNya Yang Maha Esa. Saya sudahi ucapan saya pada pagi ini dengan serangkap pantun:-

**Meraih kejayaan, di semua lapangan,
Itulah sasaran, suara di hati,
Biarpun jua, banyak halangan,
Ke persada antarabangsa, nama UniMAP meniti.**

Sekian. Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.